

UPM Jalin Usaha sama Penyelidikan Komunikasi Optik

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Alnair Labs Corporation (Alnair), Jepun bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan komunikasi optik.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPM, Profesor Datuk Dr Abu Bakar Salleh berkata, penglibatan berkenaan merangkumi bidang pembuatan gentian jeriji Bragg (FBG) yang digunakan dalam sistem Makmal Fotonik UPM.

"Menerusi kerjasama itu, kedua-dua pihak akan berkongsi pengetahuan dan kepakaran serta pertukaran kakitangan dan penuntut program dalam latihan industri yang bakal memberi faedah kedua-dua pihak sama ada dilakukan di syarikat Alnair di Tokyo atau di makmal fotonik UPM.

"Malah ia membolehkan UPM khususnya Wireless and Photonics Network Centre of Excellent (WiPNET) bekerjasama dalam bidang FBG yang memfokuskan kajian dan teknologi pembuatan," katanya selepas menandatangani MoU bersama Presiden Alnair Labs Corporation, Jepun, Dr Sze Y Set.

Beliau berkata, produk FBG bukan sahaja boleh digunakan dalam bidang telekomunikasi, tetapi turut digunakan dalam bidang lain seperti struktur bangunan, minyak dan gas serta sensor optikal.

Menurutnya, kerjasama yang dijalankan bukan saja akan memberi faedah kepada kedua-dua pihak, namun turut menyumbang kepada kemajuan kajian teknologi tinggi yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.